LEMBAGA (PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) PERUSAHAAN TIMAH
THE TIN INDUSTRY (RESEARCH AND DEVELOPMENT) BOARD
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Peti # 28, Tingkat 8, West Block
Wisma Golden Eagle Realty
142-C, Jalan Ampang
50450 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Telefon : 03-21616171
03-21616173
Faks : 03-21616179
E-mel : mcom@mcom.com.my

PMC 8/9/V

7 March 2023

prof Rahimi
nota edaran.

Naib Canselor
Pejabat Naib Canselor
Aras 6, Bangunan Canseleri
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan
(u.p.: Prof. Dato' Dr Wan Kamal Mujani
Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan & Inovasi)



YBhg. Prof. Dato' Dr Wan Kamal,

GERAN PENYELIDIKAN LEMBAGA TIMAH 2023

Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah ataupun lebih dikenali sebagai Lembaga Timah merupakan sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC). Ianya ditubuhkan pada tahun 1953 dan beroperasi sejak 1954. Salah satu objektif utamanya ialah untuk merangsang, menggalak dan memperluaskan penggunaan serta kegunaan timah bagi manfaat kepentingan industri timah di Malaysia.

Sebagai satu usaha untuk mencapai objektif tersebut, sejak tahun 2018, Lembaga Timah telah menyalurkan bantuan kewangan berupa geran penyelidikan kepada para penyelidik terpilih di universiti-universiti dan institusi penyelidikan tempatan yang berkecimpung dalam penyelidikan berasaskan timah. Penyelidikan-penyelidikan tersebut hendaklah sekurang-kurangnya berupaya memberikan manfaat dan kesan positif kepada industri timah tempatan serta membangun dan meningkatkan pengeluaran dan penggunaan timah di Malaysia secara mampan dan lestari.

Lembaga Timah berhasrat untuk meneruskan penyaluran Geran Penyelidikan Lembaga Timah ini pada tahun 2023. Untuk tahun ini, keutamaan akan diberikan kepada penyelidikan dalam sektor huluan seperti eksplorasi, perlombongan, pemprosesan timah, pengasingan mineral, serta aspek-aspek berkaitan impak ke atas alam sekitar dan kemapanan. Sehubungan dengan itu, Lembaga Timah memohon kerjasama pihak Pejabat Naib Canselor

untuk menghebahkan geran penyelidikan ini kepada para penyelidik di institusi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan Borang Permohonan yang dilampirkan dan dikemukakan kepada pihak kami di alamat:

Setiausaha
Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah
Tingkat 8, West Block
Wisma Golden Eagle Realty
142-C, Jalan Ampang
50450 KUALA LUMPUR

Permohonan juga boleh dihantar melalui email kepada azlin@mcom.com.my. Semua permohonan perlu sampai kepada Pejabat Urusetia Lembaga Timah pada atau sebelum **15 April 2023.**

Satu Jawatankuasa Pemilihan, yang ahlinya dilantik oleh pihak Lembaga Timah, akan ditubuhkan untuk memproses dan menapis permohonan serta kertas-kertas cadangan penyelidikan. Penyelidik-penyelidik yang berjaya akan dimaklumkan kelak.

Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Prof. Dato' Dr adalah amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menjalankan amanah,

HJ. MUHAMAD NOR MUHAMAD
Setiausaha

MNM/TLH/AA/mam/azlin

2023 TIN BOARD RESEARCH GRANT

APPLICATION FORM

1.0 INFORMATION ON PROJECT LEADER	
NAME:	
I/C NO.:	
POSITION:	PROFESSOR ☐ ASSOC. PROFESSOR ☐ LECTURER ☐ TUTOR ☐ STUDENT ☐ OTHERS ☐ (please specify position in the institution):
DEPARTMENT/ INSTITUTION: **(full address)**	
EMPLOYMENT STATUS:	PERMANENT ☐ / CONTRACT ☐
OFFICE TELEPHONE NO.:	
OFFICE FAX NO.:	
HANDPHONE NO.:	
EMAIL ADDRESS:	

2.0 RESEARCH TOPIC:

3.0 FIELD OF RESEARCH:

4.0 RESEARCH OBJECTIVE(S) AND USEFULNESS OF OUTCOME:

5.0 RESEARCH TEAM MEMBERS (if any):

6.0 CURRENT RESEARCH BUDGET:

7.0 CURRENT SOURCE(S) OF FUNDING:

8.0 HOW WILL THIS RESEARCH BENEFIT THE TIN INDUSTRY IN MALAYSIA:

9.0 PROPOSED USAGE OF THE GRANT (if successful):

10.0 OTHER RELEVANT INFORMATION THAT MAY SUPPORT APPLICATIONS: (attach documents if necessary)

Note:

Successful applications will be provided with a grant of up to RM10,000 to subsidise the research initiative. The amount can be used for purchase of consumables, publication of findings, attending ONE relevant seminar, conference, forum or meeting (preferably for paper presentation) but **CANNOT** be used for hiring of assistants or other purposes not directly related to the research. The grant must be used up within one year from the date of disbursement. Recipients will be required to submit two progress reports, one six months and the other one year, after disbursement, of his/ her research work including how the grant has been utilised.